

ANALISIS GAYA BAHASA FIGURATIF DALAM NOVEL “BIMASAKTI MENARI” TEKS KOMPONEN KESUSASTERAAN BAHASA MELAYU TINGKATAN LIMA

*Analysis of Figurative Language style in the novel "Bimasakti Menari"
text component of fifth grade Malay literature*

Nuur Hikma Natasha binti Lamsah, Anida binti Sarudin*, Mohd Sufian bin Ismail

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim,
Perak, Malaysia

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, 31150 Tanjung Rambutan, Perak

Corresponding author: anida@fbk.upsi.edu.my

Published: 26 June 2023

To cite this article (APA): Lamsah, N. H. N., Sarudin, A., & Ismail, M. S. (2023). Analysis of Figurative Language style in the novel "Bimasakti Menari" text component of fifth grade Malay literature: Analisis gaya Bahasa Figuratif dalam novel "Bimasakti Menari" teks komponen kesusasteraan Bahasa Melayu tingkatan lima. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(1), 22–27. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.3.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.1.3.2023>

ABSTRAK

Bahasa figuratif merupakan salah satu gaya bahasa tersirat yang merupakan bahagian penting bagi ilmu sastera dan ilmu linguistik. Bahasa figuratif mengandungi makna tersirat, namun mesej hendak disampaikan lebih berkesan bahkan penggunaan bahasa figuratif dapat menghindari perkara yang menyenggung emosi. Selain itu, gaya bahasa tersirat menjadi pilihan penutur masyarakat kerana malu untuk meluahkan perasaan dan sering berselindung dalam percakapan mereka. Hal ini kerana penutur khawatir jika perkara yang disampaikan akan menyenggung perasaan, tidak sopan atau tidak tahu malu. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan gaya bahasa figuratif dalam novel yang dipilih. Instrumen kajian yang digunakan ialah novel Bimasakti Menari. Kajian gaya bahasa figuratif ini berbentuk kualitatif. Kaedah analisis teks digunakan bagi memperoleh data kajian berkaitan dengan gaya bahasa figuratif yang dikaji daripada novel Bimasakti Menari teks KOMSAS Tingkatan 5. Data kajian berkaitan gaya bahasa figuratif akan dianalisis mengikut kategori berdasarkan Mildred L.Larson (1984) iaitu hiperbola, metonimi, metafora, onomatopoeia, personifikasi dan simile. Kajian ini juga dilakukan untuk melihat peratusan kekerapan penggunaan gaya bahasa figuratif dalam teks KOMSAS ini. Dengan adanya kajian ini, pembaca khususnya pelajar dapat mengenal pasti jenis gaya bahasa yang digunakan oleh penulis sekaligus mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhannya, penggunaan gaya bahasa sewajarnya diberi perhatian yang lebih oleh guru, pelajar dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk melahirkan masyarakat cakna tentang penggunaan bahasa yang baik.

Kata kunci: Gaya bahasa, figuratif, Novel, Teks Komponen, Kesusasteraan

ABSTRACT

Figurative language is one of the implicit language styles that is an important part of literature and linguistics. The figurative language contains implicit meaning, but the message is to be conveyed more effectively, even the use of figurative language can avoid things that offend emotions. In addition, the implicit language style is the choice of community speakers because they are shy to express their feelings and often hide in their conversations. This is because the speaker is worried that what is being said will be offensive, impolite or shameless. The purpose of this research is to identify the use of

figurative language style in the selected novel. The research instrument used is the novel Bimasakti Menari. This study of figurative language style is qualitative. The text analysis method was used to obtain research data related to the figurative language style studied from the novel Bimasakti Menari KOMSAS text Form 5. Research data related to figurative language style will be analysed according to categories based on Mildred L. Larson (1984) namely hyperbole, metonymy, metaphor, onomatopoeia, personification and simile. This study was also conducted to see the percentage of frequency of use of figurative language style in this KOMSAS text. With this study, readers, especially students, can identify the type of language style used by the writer as well as apply it in everyday life. Overall, the use of language style should be given more attention by teachers, students and the Malaysian Ministry of Education (KPM) to create a society aware of good language use.

Keywords Language style, figurative, Novel, Component Text, Literature

PENGENALAN

Karya sastera merupakan imaginasi dan kreativiti pengarang yang disampaikan dalam bentuk karangan atau penulisan. Karangan yang baik dapat mengungkapkan pemikiran dan perasaan pengarang dalam satu kesatuan tema yang utuh dalam bentuk penulisan yang teratur. Karangan terbentuk daripada beberapa perenggan yang mengandungi isi utama dan penjelasan terhadap isi utama tersebut. Karya sastera merangkumi prosa dan puisi tradisional, puisi moden, cerpen, drama dan novel.

Istilah novel dipinjam daripada bahasa Inggeris yang asalnya bahasa Itali iaitu novella atau novellete yang bermaksud satu bentuk cerita prosa yang panjang dengan gambaran kehidupan realiti manusia. Novel untuk bacaan remaja kebiasaannya mengandungi 25000 hingga 40000 perkataan atau antara 120 hingga 299 muka surat. Novel yang baik mempunyai tema, plot, teknik penceritaan, latar, gaya bahasa, watak dan perwatakan serta sudut pandangan yang jelas. Justeru novel akan menitikberatkan penggunaan gaya bahasa yang baik bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan dapat difahami dengan mudah oleh pembaca.

Bahasa merupakan medium penyampaian mesej yang sangat penting dalam sesuatu masyarakat. Ia tidak terikat kepada verbal atau bukan verbal. Bahasa yang baik adalah bahasa yang mudah difahami maksudnya sama ada tersurat atau tersirat. Menurut Asmah Haji Omar (1988) bahasa merupakan firasat atau petunjuk kepada sesuatu kebudayaan. Dalam Arumainathan et al. (2023), bahasa merupakan medium utama dalam kefahaman komunikasi. Ismail & Sarudin (2022) pula menyatakan bahawa sesuatu unsur bahasa memerlukan interpretasi yang mendalam bagi memahami maksud tersirat dalam penggunaannya serta membawa identiti kepada penuturnya. Ini bermaksud bahasa mencerminkan kebudayaan seseorang penuturnya, iaitu meliputi cara hidup dan persekitaran fizikal serta persekitaran sosial masyarakat tersebut.

Bahkan, bahasa digunakan untuk menyampaikan idea atau untuk berkomunikasi dengan orang lain tentang sesuatu idea. Gaya atau khususnya gaya bahasa pula dikenali dalam ilmu retorika dengan istilah stail. Safiah Hussain et. al. (1988) menyatakan gaya atau stail sebagai suatu susunan kata melalui satu cara pengucapan terbaik yang menggambarkan individu iaitu pengarang termasuk idea serta maksud di dalam pemikirannya. Justeru suatu gaya atau stail itu dianggap baik sekiranya penggunaan bahasa pengarang menepati dan bersesuaian dengan idea yang ingin disampaikan. Oleh itu, kajian ini telah mengenal pasti jenis dan peratusan kekerapan penggunaan gaya bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Bimasakti Menari.

SOROTAN LITERATUR

Pada peringkat awal penyelidikan berkaitan novel, para penyelidik menjalankan kajian secara umum berkaitan konsep-konsep gaya bahasa. Dalam Abu Bakar (2018), kajian berkaitan novel dilihat mampu kembangkan kecerdasan pelbagai, iaitu dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Slametmuljana dalam Rachmat Djoko Pradopo (1993: 264) menyatakan gaya bahasa sebagai susunan perkataan yang terjadi kerana perasaan dalam hati pengarang yang dengan sengaja atau tidak menimbulkan perasaan

tertentu dalam hati pembaca. Pernyataan ini sekaligus menyokong definisi gaya bahasa oleh Za'ba (1965) yang khas dipakai bagi melafazkan fikiran yang cantik dengan menggunakan bahasa yang indah dan melukiskan kemanisan dan kecantikan bahasa. Melalui kecantikan gambaran perkara yang diperkatakan itu jadi bertambah menarik kepada pendengar atau pembaca. Ringkasnya, gaya bahasa adalah cara bahasa itu digunakan oleh penulis sebagai alat untuk menyampaikan pemikiran dan pandangan mereka terhadap sesuatu tema atau persoalan melalui karya mereka.

Seterusnya kajian berkaitan penggunaan unsur gaya bahasa yang pelbagai dijalankan oleh Adam Mohd Nor dalam kajiannya Penghayatan Novel: Seteguh Karang pada 2002 mendapati bahawa gaya bahasa terdiri daripada beberapa unsur. Unsur-unsur tersebut digunakan oleh pengarang untuk beberapa tujuan. Contohnya melalui penggunaan gaya bahasa perulangan, seseorang itu dapat menjelaskan dan menguatkan sesuatu maksud yang hendak disampaikan dalam cerita. Dengan menyelitkan kata-kata daerah pula suatu yang dipaparkan itu akan memberikan kesan yang realistik kepada pembaca.

Manakala kajian yang berfokuskan kepada gaya bahasa figuratif sahaja dijalankan oleh Inieke Kusuma Putir (2013) berkaitan makna bahasa figuratif hiperbola dan personifikasi dalam novel Negeri 5 Menara karya Ahmad Faudi. Hasil kajian terhadap novel tersebut mendapati 37 data hiperbola dan 30 data personifikasi. Selain itu, Erry Pranawa (2012) turut menjalankan kajian yang sama menggunakan novel Burung-burung Manyar karya Y.B. Mangunwijaya. Kajian tersebut membincangkan makna bahasa figuratif yang meliputi metafora, simile, metonimi dan personifikasi. Hasil kajian tersebut, menunjukkan personifikasi sangat banyak digunakan untuk menyampaikan gagasan, pendapat dan pengalaman penulis. Manakala metafora sebagai lambang budaya masyarakat Jawa, simile menjadikan jalan cerita lebih jelas dan menyerlah serta metonimi digunakan kerana terdapat banyak ungkapan yang bersifat simbolik.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan adalah kajian berbentuk kajian kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif interpretatif. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah iaitu kaedah kepustakaan, kaedah analisis kandungan teks, kaedah analisis linguistik dan kaedah senarai semak untuk mengumpulkan data berkaitan gaya bahasa figuratif dalam novel terpilih. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji boleh mengenal pasti penggunaan gaya bahasa figuratif dan menganalisis peratusan kekerapan gaya bahasa figuratif yang terdapat dalam novel ini. Pengkaji menggunakan sebuah novel teks KOMSAS iaitu novel Bimasakti Menari sebagai instrumen utama kajian. Novel Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop ini mempunyai 22 bab dan 201 muka surat. Pengkaji meneliti keseluruhan novel untuk mendapatkan data kajian berkaitan. Berdasarkan data kajian daripada novel Bimasakti Menari, pengkaji menyenaraikan perkataan atau frasa atau ayat yang mengandungi gaya bahasa figuratif. Pengkaji telah menggunakan data kajian daripada novel Bimasakti Menari bagi mengenal pasti kategori penggunaan gaya bahasa figuratif seperti hiperbola, metafora, metonimi, onomatopoeia, personifikasi dan simile. Pengkategorian ini adalah berdasarkan Mildred L. Larson (1984). Daripada data kajian ini juga, pengkaji dapat menilai peratusan kekerapan penggunaan gaya bahasa figuratif dalam novel ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penelitian kajian mengikut kategori berdasarkan Mildred L.Larson (1984) iaitu hiperbola, metonimi, metafora, onomatopoeia, personifikasi dan simile telah menemukan sebanyak 106 data kajian. Setiap data kajian tersebut akan dilabel berdasarkan halaman, perenggan dan baris (H/P/B). Hasil kajian teks yang dilakukan pada novel Bimasakti Menari mendapati bahawa wujudnya penggunaan gaya bahasa figuratif. Perkataan atau frasa atau ayat yang mengandungi unsur gaya bahasa figuratif akan ditebalkan bagi memudahkan pengkaji untuk mengenal pasti kategori yang bersesuaian. Jadual berikut merupakan sebahagian daripada data kajian yang diperoleh daripada novel Bimasakti Menari.

Jadual 1 Sebahagian daripada data kajian terhadap penggunaan dan kategori gaya bahasa figuratif dalam novel Bimasakti Menari

| Bi 1 | Perkataan/frasa/ayat yang mengandungi gaya bahasa figuratif | Halaman/Perenggan/B aris (H/P/B) | Kategori gaya bahasa figuratif |
|---------|---|-------------------------------------|--------------------------------------|
| 1. | ...peminat-peminat bintang cilik dari negara matahari terbit itu. | H9/P1/B5 | Metonimi |
| 2. | Bot kecil berenjin motor elektrik itu berbunyi put-put-put nada rendah... | H23/P2/B1 | Onomatopoeia |
| 3. | Walaupun wajahnya disaluti peluh yang bertali arus... | H56/P1/B5 | Hiperbola |
| 4. | Bagai bulan di pagar bintang. | H87/P2/B4 | Simile |
| 5. | Semua orang hendak makan gaji buta saja... | H139/P2/B8 | Metafora |
| 6. | Morfin menariknya kembali ke dalam lena terbius. | H152/P7/3 | Personifikasi |

Daripada data kajian tersebut, pengkategorian berdasarkan Mildred L.Larson (1984) mendapati terdapat kesemua jenis gaya bahasa figuratif yang disenaraikan. Berdasarkan data kajian pertama yang dikategorikan sebagai metonimi iaitu *peminat-peminat bintang cilik dari 'negara matahari terbit' itu* pada halaman 9. Metonimi adalah bahasa figuratif yang maksudnya mempunyai perhubungan kolokasi istimewa di antara maksud asal dengan maksud yang hendak diterjemahkan. Maksud metonimi ini tidak boleh diterjemahkan secara literal kerana akan memberikan maksud yang salah. Perkataan yang ditebalkan pada data kajian pertama adalah 'negara matahari terbit' yang merujuk kepada negara Jepun. Hal ini demikian merujuk kepada peristiwa-peristiwa pada bab pertama tersebut iaitu menggunakan kata nama Jepun seperti Hotaru-san. Bahkan pada awal bab secara terang-terang menyatakan rombongan tersebut daripada Sekolah Renah Kichihimahigashi, Hiroshima.

Menurut Umar Junus, (1989: 229) onomatopoeia bermaksud perkataan yang berasal daripada peniruan bunyi. Biasanya bunyi itu diambil daripada unsur alam, seperti berdesir, menderu, berderai atau bunyi kesan daripada perbuatan manusia seperti mengetuk, ketawa atau bunyi suara binatang seperti mengembek, menguak, mengaum, berkокok dan sebagainya. Terdapat dua bentuk onomatopoeia sama ada dengan meniru bunyi asal seperti miau...miau iaitu suara kucing ataupun dalam bentuk kata berimbuhan seperti menderap dan lainnya. Berdasarkan data kajian 2 tersebut; *bot kecil berenjin motor elektrik itu 'berbunyi put-put-put' nada rendah* merupakan onomatopoeia yang meniru bunyi asal sesuatu benda.

Pendapat Keraf (1997) hiperbola merupakan gaya bahasa yang mengandungi suatu pernyataan yang berlebihan. Dengan erti kata lain memperbesar-besarkan sesuatu hal. Data kajian 3 iaitu *walaupun 'wajahnya disaluti peluh yang bertali arus'* pada halaman 56, penulis sebenarnya ingin menggambarkan bahawa Muhammad Taufik bermandi peluh kerana sedang melakukan kerja pertukangan bagi rumah mesra alamnya. Namun penulis ingin memberikan kesan yang lebih mendalam dan menunjukkan bahawa Muhammad Taufik begitu bekerja keras untuk menjayakan projeknya itu. Justeru itu, penulis menggunakan unsur hiperbola pada ayat tersebut. Seterusnya penggunaan unsur simile yang biasanya diiringi oleh perkataan-perkataan seperti, umpama, bak, bagai dan sebagainya. Keraf (1987) menyatakan simile merupakan salah satu bentuk bahasa kias. Beliau juga membahagikan simile kepada dia iaitu tertutup dan terbuka. Simile tertutup adalah perbandingan yang mengandungi perincian mengenai sifat persamaan tersebut. Manakala simile terbuka adalah perbandingan yang tidak mengandungi perincian.

Data kajian 4 iaitu '*bagai bulan di pagar bintang*' pada halaman 87 menunjukkan wujudnya unsur simile dengan penggunaan kata 'bagai' pada ayat tersebut. Perumpamaan tersebut digunakan oleh Muhammad Taufik menandakan bahawa kerongsang yang disematkan di bahu kanan Nurul Hafsa sangat bersesuaian dengannya. Data kajian 5 pula merupakan contoh penggunaan unsur metafora di dalam novel Bimasakti Menari. Penggunaan metafora adalah bertujuan untuk mendeskripsikan sifat sesuatu objek yang dilihat itu dengan sifat objek yang lain bagi maksud menyampaikan makna yang tersirat. Menurut Ricoeur (1977) penggunaan metafora juga mengambil kira perkataan sebagai unit

untuk rujukan. Metafora boleh dikelaskan sebagai perkataan tunggal yang mempunyai makna figuratif. Penggunaan metafora sebagai satu teknik untuk mencantikkan bahasa dengan menggunakan persamaan dua objek. Berdasarkan data kajian 5; *semua orang hendak 'makan gaji buta' saja* membawa maksud gaji yang diterima oleh seseorang sedangkan dia tidak melakukan sebahagian atau seluruh pekerjaannya.

Kategori terakhir iaitu personifikasi adalah bahasa figuratif yang maksudnya diambil daripada pemberian nyawa kepada sesuatu benda yang tidak bernyawa atau dengan perkataan lain memberikan sifat-sifat manusia kepada benda-benda lain. Pada data kajian 6; '*Morfin menariknya kembali ke dalam lena terbius*' menunjukkan pemberian sifat manusia kepada morfin. Secara umumnya, morfin diketahui sebagai ubat yang digunakan untuk melegakan kesakitan. Namun pada data kajian 6, morfin tersebut telah diberikan sifat manusia iaitu menarik Muhammad Taufik untuk tidur semula bagi mengurangkan Muhammad Taufik daripada merasai kesakitan akibat kecederaannya.

Akhir sekali, pengkaji memfokuskan kepada analisis peratusan kekerapan penggunaan bagi setiap jenis gaya bahasa figuratif tersebut.

Rajah 2 Peratusan kekerapan penggunaan gaya bahasa figuratif mengikut jenis dalam novel Bimasakti Menari.

| Bil | Kategori gaya bahasa figuratif | Bilangan data kajian | Peratusan kekerapan (%) |
|--------|--------------------------------|----------------------|-------------------------|
| 1. | Metonimi | 1 | 1.0 |
| 2. | Onomatopoeia | 24 | 22.6 |
| 3. | Hiperbola | 20 | 18.9 |
| 4. | Simile | 33 | 31.0 |
| 5. | Metafora | 9 | 8.5 |
| 6. | Personifikasi | 19 | 18.0 |
| Jumlah | | 106 | 100 |

Berdasarkan rajah di atas, hasil dapatan kajian menunjukkan penggunaan gaya bahasa figuratif jenis simile adalah paling banyak digunakan iaitu sebanyak 33 data kajian bersamaan dengan 31.0%. Pengkaji mendapati penulis banyak menggunakan simile bagi membandingkan dua hal atau perkara yang dianggap sama supaya penulis dapat menjelaskan perkara tersebut dengan lebih terperinci. Seterusnya gaya bahasa jenis onomatopoeia merupakan jenis gaya bahasa figuratif kedua yang terbanyak digunakan iaitu sebanyak 24 data kajian bersamaan dengan 22.6%.

Penulis banyak menggunakan onomatopoeia bagi membantu dan memudahkan pembaca untuk membayangkan, menggambarkan suatu gerakan atau keadaan hingga terasa benar-benar wujud. Kemudian diikuti dengan gaya bahasa figuratif jenis hiperbola dan personifikasi. Masing-masing dengan penggunaan sebanyak 20 data kajian bagi hiperbola dan 19 data kajian bagi personifikasi. Gaya bahasa jenis metafora merupakan kedua terendah digunakan dalam novel ini iaitu sebanyak 9 data kajian bersamaan dengan 8.5%. Akhir sekali, metonimi adalah jenis gaya bahasa figuratif paling sedikit digunakan dalam novel ini iaitu sebanyak 1 data kajian atau 1.0%. Penulis kurang menggunakan metonimi kerana memerlukan perhubungan kolokasi istimewa di antara maksud asal dengan maksud yang hendak diterjemahkan.

KESIMPULAN

Karya sastera yang dihasilkan oleh para penulis tidak dapat dipisahkan daripada penggunaan gaya bahasa yang pelbagai. Penggunaan gaya bahasa yang sesuai oleh pengarang akan memberikan kesan tentu serta mampu menyampaikan mesej tersebut kepada pembaca. Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu mengenal pasti, mengkategorikan serta menganalisis peratusan kekerapan penggunaan gaya bahasa figuratif yang terdapat dalam novel Bimasakti Menari ini. Dapatkan kajian yang diperoleh memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan. Bahkan dapat membuktikan bahawa wujudnya unsur penggunaan gaya bahasa figuratif dalam novel ini. Antara jenis gaya bahasa figuratif yang begitu ketara digunakan adalah simile dan onomatopoeia. Kesimpulannya, penguasaan gaya bahasa yang baik dalam suatu karangan atau penulisan akan membuatkan pembaca mudah memahami dan menghayati penulisan atau karangan yang dihasilkan oleh penulis.

RUJUKAN

- Abu Bakar, R. (2018). Hikayat Pelanduk Jenaka: Perkembangan Kecerdasan Bodily Kinesthetic dan Kecerdasan Bahasa Kanak-kanak dan Remaja. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 11, 33–51.
- Arumainathan, K., Eng Hock, K., & Shaffeei, K. (2023). Kajian Keberkesanan Aktiviti main Peranan “I Can Communicate Too” Terhadap Murid masalah Pembelajaran Berkefungsian Rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 55–76. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.5.2023>
- Damayanti, L. (2019). Analisis Penggunaan Similes dan Metaphors pada Novel Berjudul “Hard Time” sebagai Tulisan Deskriptif. *JSHP: Jurnal Sosial Humaniora dan Pendidikan*, 3(2), 105-110.
- Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2022). Interpretasi partikel wacana ‘Lah’ berdasarkan ilmu Balaghah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 865–878. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.290>
- Keraf Gorys (1996). *Diksi dan gaya bahasa*. Penerbit Pt Gramedia Pustaka Utama, Jakarta.
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. Lanham, MD: University Press of America.
- Pratama, R. Y. (2015). *Onomatope Dalam Buku Cerita Anak Karya Hans Cristian Andersen: Kajian Fonologis* (Doctoral dissertation, Universitas Widyaatama).
- Ricoeur, P., Czerny, R., McLaughlin, K., & Costello, J. (1977). *The rule of metaphor: Multi-disciplinary studies of the creation of meaning in language*. United Kingdom: Routledge & Kegan Paul
- Sutopo, B. (2014). *Hiperbola dan Simile dalam Novel Mukenah & Sajadah Untuk Soya Karya Maria Bo Niok: Kajian Stilistika*. Sasindo. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 3 (1), 109-121.